

UMS lawat Guangzhou jalinkan hubungan alumni UMS Malaysia-China

UB 3.11.2018 A3

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan satu Program Networking Merentas Sempadan Alumni UMS di Guangzhou China bagi membina jambatan penghubung antara alumni universiti itu dengan alumni UMS China baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS) Prof. Dr. Ismail Ali berkata, lawatan itu bagi memudahkan sebarang urusan sekiranya ingin melebarkan perniagaan ke negara itu atau mendapatkan sumber bekalan niaga yang boleh dipasarkan di tanah air.

“Antara aktiviti yang diadakan sepanjang berada di sini adalah lawatan ke kilang-kilang yang dimiliki sendiri oleh alumni UMS China serta produk-produk yang berpotensi untuk dikembangkan ke Sabah.

“Selain itu, kami juga telah memberi ruang kepada alumni tempatan untuk jalinan perniagaan pintar bersama peniaga-peniaga yang ada di sini melalui bantuan alumni



ISMAIL (duduk kiri) dan **Darwis** (duduk kanan) makan malam bersama dengan alumni UMS China.

China,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Beliau yang turut mengetuai rombongan itu berkata, lawatan yang diilhamkan Pusat Alumni UMS itu nyata berjaya memberi pendedahan dan membuka mata alumni tempatan yang turut tidak melepaskan peluang untuk berkenalan serta saling bertukar nombor telefon sebagai proses permulaan menjalinkan kerjasama yang lebih besar pada masa akan

datang.

“Saya melihat program ini memberi banyak manfaat khususnya dalam memperkasa alumni UMS Malaysia yang dilihat kelak boleh membawa kepada generasi yang berdaya saing sekali gus mampu menyumbang kepada penjana ekonomi negara,” katanya.

Padalawatan itu, Ismail turut melancarkan Pejabat Urusan Alumni China (SOHO) di Selatan China bagi membantu alumni UMS dalam urusan



RUDY

eksport dan import selain membantu alumni UMS di Malaysia mendapatkan khidmat nasihat pelaburan, bekalan serta perkhidmatan dari negara berkenaan.

Seorang alumni UMS tempatan yang turut serta, Rudy Ansar turut menyuarakan rasa berterima kasih kepada pihak universiti atas peluang yang diberikan untuk bersama-sama pada lawatan kali ini.

“Saya amat bertuah dapat mengikut program ini yang mana saya telah berpeluang untuk berkenalan dan membuka lembaran kerjasama dengan alumni



ISMAIL (dua kanan) bersama rombongan menyaksikan salah satu produk kilang yang dilawati.

UMS dari China.

“Di sini saya mendapat ilmu pengetahuan tentang cara-cara membeli dan menghantar barangan ke Malaysia, melihat sendiri kilang-kilang di China dengan

lebih dekat, mempelajari selok-belok cara perniagaan orang China dan membuka mata tentang perniagaan yang boleh diusahakan di Malaysia,” katanya.

Rudy adalah graduan

Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dan kini pelajar tahun akhir dalam bidang Ijazah Doktor Falsafah Kewangan dan Perbankan.

Dia turut menyifatkan lawatan itu sebagai satu lawatan yang membuka mindanya untuk mempelbagaikan lagi perniagaan selain sebagai pembekal sayuran dan menyediakan perkhidmatan pembersihan di sekitar Kota Kinabalu.

“Di sini banyak ilmu perniagaan yang kita boleh dapat, malah ada yang tidak pernah terlintas dalam fikiran. Ia baik sekali untuk para alumni yang ingin atau sudah berkecimpung dalam dunia perniagaan,” katanya.

Lawatan selama lima hari itu turut disertai Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang dan Penolong Pendaftar Kanan Pusat Alumni UMS, Victor Gondipon.



GAMBAR kenangan sempena lawatan ke kilang dan pelancaran SOHO, turut kelihatan **Ismail** (tiga kanan) dan **Darwis** (tiga kiri).



LAWATAN ke kilang produk pembinaan perumahan .